

Polis tahan anak tunggal wanita warga emas yang ditemui mati dibungkus selimut

Pemuda disyaki rompak, bunuh ibu

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU – Kes rompak dan bunuh seorang wanita warga emas yang mayatnya ditemui dalam keadaan mulut, kaki dan tangan diikat kain di Kampung Kuala Gris, Dabong, Kuala Krai pada Isnin lalu memasuki episod baharu apabila anak tunggal wanita itu ditahan.

Lelaki berusia 35 tahun itu ditahan pada pukul 12.03 malam kelmarin di rumah arwah ibunya, Rohani Musa, 60, semasa dia baru berbaring untuk tidur.

Selepas pengebumian ibunya pada petang Isnin lalu, suspek yang masih bujang dan menganggur itu dikatakan menghilangkan diri.

Timbalan Ketua Polis Kelantan, Asisten Komisioner Din Ahmad berkata, sebelum itu, polis cuba mengesan suspek namun gagal kerana dia disyaki cuba menyembunyikan diri.

“Beberapa jam selepas pengebumian ibunya, suspek yang merupakan anak tunggal mangsa disyaki menghilangkan diri.

“Selepas dua hari mencari, malam tadi (semalam) polis berjaya menahan suspek di rumahnya ketika dia mahu tidur,” kata

Beberapa jam selepas pengebumian ibunya, suspek yang merupakan anak tunggal mangsa menghilangkan diri. Selepas dua hari mencari, malam tadi polis menahan suspek

DIN AHMAD

beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, suspek ketahanan selepas keterangan yang diberikan lelaki itu meragukan selain terdapat beberapa fakta penemuan mengenai mayat ibunya didapati bercanggah.

“Polis masih mengumpul bukti untuk mengetahui perompak dan pembunuh sebenar buruh ladang malang itu,” katanya.

Pada masa sama, Din memberitahu, polis sedang mengesan seorang lagi lelaki yang dipercayai terlibat dalam kes tersebut.



MOTOSIKAL Yamaha RXZ, milik anak Rohani yang turut hilang dalam kejadian warga emas dirompak dan dibunuh di Kampung Kuala Gris, Dabong Isnin lalu.

Pada hari kejadian iaitu kira-kira pukul 11 malam, penduduk kampung mendakwa, ternampak sebuah motosikal dinaiki dua lelaki berada berhampiran rumah mangsa.



MAYAT Rohani yang ditemui di Kampung Kuala Gris, Dabong pada Isnin lalu.

Polis juga belum menjumpai senjata yang digunakan untuk membunuh mangsa selain barang-barang yang dirompak.

Berikutan itu kata Din, polis menahan suspek hingga 27 Disember depan bagi membantu siasatan kes tersebut.

Suspek tiada rekod jenayah dan saringan ujian air kencingnya juga didapati negatif.

Selasa lalu *Kosmo!* melaporkan seorang pemuda tidak menyang-



KERATAN *Kosmo!* 20 Disember 2016.

ka kepulungannya ke rumah selepas menonton perlawanan bola sepak antara Manchester City dengan Arsenal di sebuah kedai makan berhampiran dikejutkan dengan penemuan mayat ibunya yang dibunuh dan dirompak.

Mayat perempuan itu ditemui di ruang tamu rumah dalam keadaan terlentang dan dibungkus dengan kain selimut.

Pemeriksaan mendapati, barang kemas, dompet mangsa yang belum diketahui jumlahnya hilang. Turut hilang motosikal jenis Yamaha RXZ milik anak mangsa.

Anak wanita itu mendakwa, sebaik sampai di rumah sejam selepas menonton perlawanan bola sepak, dia mendapati pintu dapur rumah terbuka luas sebelum menemui ibunya dalam keadaan tidak bernyawa.